

KOSSAN AS FIRST CUSTOMER TO BE SUPPLIED RECLAIMED WATER BY PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Posted on 09/04/2021

9 APRIL 2021

Kuala Lumpur – Kossan Rubber Industries Berhad (Kossan), one of the largest manufacturers of latex gloves in the world, is the first customer of the reclaimed water produced by Central Water Reclamation Sdn Bhd (Central Water) and distributed by Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) for industrial use.

In March 2021, Air Selangor and Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) signed a shareholders' agreement to cement a reclaimed water collaboration to be carried out by Central Water, a special purpose vehicle that is 60% owned by Air Selangor and 40% owned by IWK.

Central Water was set-up with the mission of embarking into the reclaimed water industry by optimising the use of existing water resources in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya while protecting the environment.

Central Water will commence its operations by producing reclaimed water at its treatment plant in Setia Alam, which will then be distributed directly by Air Selangor to Kossan's premise through a dedicated pipe network.

To implement these initiatives, Central Water today signed an agreement with Air Selangor for the bulk supply of reclaimed water, while a separate agreement was signed between Air Selangor and Kossan for the distribution of reclaimed water to three subsidiaries of Kossan.

Air Selangor and IWK have also agreed to explore other collaborative efforts through Central Water in respect of IWK's other treatment plants, including the plants located at Pantai 2, Kuala Lumpur and Section 23, Shah Alam, to further develop the reclaimed water industry and expand the initiative to various industries.

This collaboration between Air Selangor and IWK highlights the long-term commitment of Air Selangor and IWK towards the sustainable development of the Malaysian water industry, whilst supporting the nation's target to recycle 33% of the nation's treated effluent by 2030 under the Green Technology Master Plan 2017 – 2030.

-END-

KOSSAN PELANGGAN PERTAMA AIR PULIH GUNA YANG DIBEKALKAN OLEH PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Posted on 09/04/2021

9 APRIL 2021

Kuala Lumpur – Kossan Rubber Industries Berhad (Kossan), antara pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia, menjadi pelanggan pertama air pulih guna untuk kegunaan industri bukan berasaskan makanan atau minuman yang dihasilkan oleh Central Water Reclamation Sdn Bhd (Central Water) untuk kegunaan industri dan dibekalkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Pada bulan yang lalu, Air Selangor dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) telah menandatangani perjanjian pemegang saham bagi memeterai usaha sama industri bekalan air pulih guna melalui syarikat tujuan khas Central Water, yang mana Air Selangor memegang 60% saham dan IWK pula memegang 40% saham.

Central Water ditubuhkan dengan misi untuk menerajui industri bekalan air pulih guna dengan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang sedia ada di samping memelihara alam sekitar.

Central Water akan memulakan operasinya dengan penghasilan bekalan air pulih guna di loji rawatan di Setia Alam, yang akan seterusnya diagihkan oleh Air Selangor kepada Kossan melalui jajaran paip khas dari loji rawatan air pulih guna Central Water terus ke premis Kossan.

Central Water hari ini menandatangani perjanjian bekalan air pulih guna secara pukal dengan Air Selangor, manakala perjanjian bagi bekalan air pulih guna kepada tiga anak syarikat milik Kossan ditandatangani di antara Air Selangor dan Kossan.

Lanjutan daripada usaha ini, Air Selangor dan IWK melalui Central Water bakal mengenalpasti usahasama lain yang berkaitan dengan loji rawatan IWK termasuk lojinya di Pantai 2, Kuala Lumpur dan Seksyen 23, Shah Alam, bagi terus membangunkan industri bekalan air pulih guna untuk kegunaan pelbagai industri .

Ini merupakan komitmen jangka panjang Air Selangor dan IWK ke arah pembangunan industri air negara yang lebih cekap dan mapan bagi mendokong sasaran negara dalam mengitar semula 33% daripada efluen terawat negara pada 2030 di bawah Pelan Induk Teknologi Hijau 2017 – 2030.

-TAMAT-